



**SYARAT-SYARAT LESEN PUSAT ISTIREHAT / HIBURAN KELUARGA
(LOUNGE/KARAOKE KELUARGA/PESTA RIA/PUSAT HIBURAN
KELUARGA/TAMAN HIBURAN)**

A. WAKTU OPERASI

1. Had masa operasi tempat hiburan akan ditetapkan oleh Pegawai Pelesen.
2. Sebarang lanjutan masa selain dari masa yang ditetapkan didalam lesen hendaklah dengan kelulusan Pegawai Pelesen.

B. PENCAHAYAAN

1. Pencahayaan di dalam premis hendaklah mempunyai keterangan melebihi 300 lux (sama dengan tahap keterangan normal bagi sesebuah pejabat) dan tiada sebarang lampu warna-warni dibenarkan dipasang di tempat hiburan kecuali dengan kebenaran Pegawai Pelesen.
2. Penggunaan bilik-bilik khas atau sekatan-sekatan adalah tidak dibenarkan. Jika ada keperluan, dinding hendaklah dibuat dengan cermin terang yang mempunyai tahap ketelusan cahaya melebihi 70%. Penggunaan langsir atau cermin gelap adalah dilarang sama sekali.
3. Sistem cahaya kecemasan hendaklah disediakan dan diselenggarakan di semua tangga keluar, laluan keluar dan tempat laluan dari premis itu.
4. Peruntukan hendaklah dibuat bagi pencahayaan automatik bagi sistem pencahayaan kecemasan sekiranya terdapat kegagalan kepada sistem pencahayaan umum.
5. Setiap tempat hiburan hendaklah disediakan cahaya secukupnya dalam waktu operasi sehingga memuaskan hati Pegawai Pelesen.

C. KAWALAN

1. Hendaklah mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mewujudkan kacauganggu.
2. Hendaklah memastikan bahawa hiburan yang diadakan tidak menyebabkan kesesakan lalulintas atau bahaya kepada lalulintas.
3. Bilangan orang yang dibenarkan berada di dalam tempat hiburan hendaklah dihadkan atau dikawal, agar tidak penuh sesak.
4. Hendaklah memastikan bahawa:-
 - 4.1 Semua peralatan menentang kebakaran diselenggara dengan sewajarnya dan sentiasa dalam keadaan boleh digunakan dengan baik.
 - 4.2 Semua tangga, pelantar dan jalan keluar adalah bebas dari halangan dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak berkunci sewaktu masa beroperasi.
 - 4.3 Tiap-tiap bahagian struktur dan peralatan atau alat jentera dan elektrik yang digunakan di dalam tempat hiburan hendaklah pada setiap masa diselenggarakan supaya dalam keadaan selamat, baik dan diperbaiki.
 - 4.5 Memastikan pelaku-pelaku dalam tempat hiburan berpakaian sopan.

D. TEMPAT HIBURAN

1. Hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa terdapatnya gantian-udara yang secukupnya di tempat hiburan dan bahawa cara gantian-udara itu dijaga dalam keadaan boleh digunakan dengan baik pada setiap masa.
2. Tempat hiburan hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan bersih dan selamat.
3. Sebarang tambahan atau pindaan ke atas bangunan hendaklah dengan kebenaran pihak Majlis Daerah Kuala Langat.

4. Menyediakan tandas yang sempurna dan mencukupi serta berasingan antara lelaki dan wanita dan hendaklah bersih sepanjang masa. Jika sesuatu hiburan itu diadakan di luar bangunan, hendaklah menyediakan apa-apa kemudahan tandas sebagaimana yang ditetapkan oleh Pegawai Pelesen.

E. LARANGAN

1. Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Awam Pelanggan (GRO) dari kalangan wanita-wanita atau pondang dilarang sama sekali.
2. Tiada apa-apa unsur berbentuk seks, lucah dan ganas di tempat hiburan.
3. Larangan merokok di dalam tempat hiburan.
4. Larangan menjual dan menyediakan minuman keras ditempat hiburan melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa.
5. Larangan orang mabuk masuk atau berada didalam tempat hiburan.
6. Larangan mana-mana orang yang berpakaian tidak sopan daripada masuk atau berada didalam tempat hiburan.
7. Premis yang dilesenkan tidak dibenarkan dijadikan tempat penginapan.
8. Larangan membina gerai, warung atau struktur lain didalam tempat hiburan melainkan diluluskan oleh Pegawai Pelesen.
9. Bilangan mesin bagi mana-mana permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan tidak boleh melebihi bilangan yang dinyatakan dalam lesen.
10. Tiada hiburan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan boleh dibenarkan dalam tempat hiburan.

F. HAD UMUR

1. Pegawai Pelesen boleh mengikut budi bicaranya menetapkan umur minima orang-orang yang boleh melanggani sesuatu tempat hiburan.

2. Tiada seseorang pun di bawah umur yang ditetapkan oleh Pegawai Pelesen boleh dibenarkan untuk memasuki atau berada ditempat hiburan itu kecuali diiringi oleh ibubapa atau penjaga yang sah.
3. Pengusaha hendaklah dipamerkan sesuatu notis yang mengandungi maklumat ini di pintu masuk tempat hiburan.

G. KEMUDAHAN

1. Peti pertolongan cemas yang lengkap hendaklah disediakan.
2. Menyediakan tong sampah dengan bilangan yang mencukupi dan hendaklah dikosongkan seberapa kerap mungkin.
3. Hendaklah menyediakan untuk pekerja-pekerjanya tempat yang seamat dan sihat ditempat hiburan sehingga memuaskan hati Pegawai Pelesen.

H. PAPAN TANDA / IKLAN

1. Papan tanda larangan merokok hendaklah dipamerkan ditempat-tempat yang mudah dilihat.
2. Gambar / poster-poster lucah dan menghairahkan tidak dibenarkan ditampal ditempat hiburan.
3. Papan iklan rokok, minuman keras dan yang tidak berkaitan, tidak dibenarkan dipasang.
4. Papan tanda tempat hiburan hendaklah dipaparkan selepas kelulusan diberikan.

I. PERTARUHAN / PERJUDIAN

1. Tiada apa-apa unsur berbentuk pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 atau Ordinan Pertaruhan 1953 dijalankan dalam tempat hiburan.

J. **MEMPERBAHARUI LESEN**

1. Pemegang lesen adalah sentiasa tertakluk pada undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa.
2. Kelulusan yang diberi adalah dari setahun ke setahun sahaja berakhir 31hb Disember setiap tahun.
2. Permohonan untuk memperbaharui lesen hendaklah di dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dipohon selewat-lewatnya tiga bulan sebelum 31hb Disember setiap tahun.
4. Pembaharuan lesen boleh tertakluk kepada ulasan daripada Jabatan-jabatan lain seperti POLIS, Bomba dan Penyelamat dan sebagainya

PERINGATAN

****Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran
Majlis Daerah Kuala Langat